

BPH UMS ke UiTM: Kongsi maklumat Kolej Kediaman

NST 22.06.2012 9

KOTA KINABALU: Bahagian Perumahan dan Hospitaliti (BPH) Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah mengadakan Lawatan Sambil Kerja ke Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam baru-baru ini.

Lawatan selama dua hari itu telah disertai seramai 14 orang terdiri daripada Pegawai dan Kakitangan BPH dari Kampus Induk UMS Kota Kinabalu dan UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL).

Ketua Seksyen Pentadbiran dan Kewangan BPH, Sahilin Marusin yang mengetuai rombongan berkata kunjungan lawatan ke UiTM yang merupakan salah satu Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang tertua di Malaysia itu adalah bertujuan mendapatkan maklumat berguna tentang kemudahan yang disediakan di Kolej Kediaman.

Tambahnya, dengan program seumpama ini selain dapat bertukar-tukar pandangan dan idea khususnya yang berkaitan dengan Kolej Kediaman ianya juga amat berguna kepada

kakitangan di BPH bagi meningkatkan kualiti dari segi perkhidmatan dalam penambahbaikan sistem pentadbiran di Kolej Kediaman UMS.

"Ini selaras dengan matlamat BPH yang berfungsi memberikan perkhidmatan yang terbaik dari sudut kebajikan, penginapan dan keselamatan kepada pelajar," katanya.

Sepanjang lawatan itu, rombongan telah dibawa melawat beberapa Kolej Kediaman iaitu Kolej Kediaman Melati, Kolej Kristal di UiTM Shah Alam dan Kolej Angsana dan juga Kolej Reflessia di cawangan UiTM Puncak Alam.

Beliau berharap dengan lawatan seumpama ini dapat membawa manfaat kepada Kolej Kediaman sebagai pusat kecemerlangan dan pelengkap kepada sistem pendidikan Universiti dalam melahirkan graduan yang berakhlik mulia, berpengetahuan luas, kritis, kreatif dan berinovatif selain dapat mengerakkan hubungan silaturrahim di antara kakitangan UiTM dan UMS.



RAKAM
KENANGAN...
Rombongan
Bahagian
Perumahan dan
Hospitaliti (BPH),
UMS
merakamkan
gambar
kenangan semasa
Lawa'an Sambil
Kerja ke Universiti
Teknologi Mara
(UiTM) Shah
Alam.